

01 APR 2000

Umno-Sabah (Rangkuman)

BAHAGIAN UMNO SABAH BERI SOKONGAN PADU KEPADA PM, TPM

KOTA KINABALU, 1 April (Bernama) -- Semua 20 bahagian Umno di Sabah dan satu di Labuan yang telah selesai mengadakan persidangan perwakilan masing-masing memberikan pencalonan padu untuk Datuk Seri Dr Mahathir dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi masing-masing bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno.

Keningau dan Kinabalu yang mengadakan mesyuarat perwakilan semalam merupakan bahagian terakhir untuk berbuat demikian di Sabah.

Ketua Menteri Datuk Osu Sukam mendahului senarai pencalonan bagi jawatan Naib Presiden dengan 20 pencalonan, diikuti Datuk Seri Najib Tun Razak (17 pencalonan) manakala Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad masing-masing mendapat enam pencalonan.

Calon naib presiden lain ialah Tan Sri Muhammad Muhammad Taib (4), Datuk Abdul Ghani Othman (4), Datuk Seri Abu Hassan Omar (3), Datuk Dr Rais Yatim (1) dan Tan Sri Muhyiddin Yassin (1).

Mesyuarat di semua bahagian dilaporkan berjalan lancar kecuali di Beaufort yang berlaku kekecohan seketika ekoran usul untuk mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah yang bagaimanapun tidak mendapat sokongan.

Bahagian Tawau, yang merupakan bahagian pertama mengadakan mesyuarat perwakilan pada 2 Mac lepas, turut menimbulkan kontroversi apabila hanya menamakan dua calon naib presiden.

Majlis Tertinggi Umno bagaimanapun memutuskan pencalonan itu sah tetapi menasihati bahagian lain agar memenuhi kuota tiga pencalonan bagi jawatan itu.

Bagi jawatan anggota majlis tertinggi, Umno bahagian di Sabah telah mencalonkan 69 orang untuk merebut 25 jawatan yang dipertandingkan.

Mereka yang mendapat pencalonan di semua 21 bahagian, termasuk Labuan ialah Datuk Shafie Apdal, Datuk Nazri Abdul Aziz dan Datuk Wira Ali Rustam manakala mereka yang dicalonkan oleh 20 bahagian ialah Datuk Salleh Tun Said, Tan Sri Kasitah Gaddam, Datuk Lajim Ukin dan Datuk Azmi Khalid.

Berikut adalah senarai pencalonan lain bagi jawatan anggota majlis di Sabah:

19 pencalonan: Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir; (18) Datuk Dr Suleiman Mohamad; (17) Datuk Seri Adnan Yaakob, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Datuk Mustapa Mohamed; (16) Datuk Abdul Aziz Shamsuddin; (15) Datuk Seri Shahidan Kassim; (14) Datuk Anifah Aman, Datuk Dr Shafie Mohamed Salleh; (11) Datuk Seri Mohamed Shariff Omar, Datuk Zainal Abidin Zin.

(9) Datuk Dr Yusof Yacob, Tan Sri Ramli Ngah Talib, Datuk Dr Yusof Nor; (7) Datuk Railey Jeffrey, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, Abdul Azim Mohamed Zabidi, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik, Datuk Dr Hilmi Yahya, Datuk Hassan Ariffin, Datuk Mohamed Hassan, Datuk Yaakob Mohamad; (6) Adam Hamid, Datuk Shahrir Samad, Datuk Suhaili Abdul Rahman, Datuk Khalid Yunus.

(5) Datuk Dr Ibrahim Saad, Datuk Zainal Dahlan, Dr Noraesah Mohamad; (4) Datuk Osu Sukam, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Datuk Ruhanie Ahmad, Datuk Shahrizat Abdul Jalil; (3) Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, Datuk Abdul Ghani Othman, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, Datuk Annuar Musa, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansur, Datuk Dr Rais Yatim.

(2) Datuk Dr Affifuddin Omar, Datuk Tengku Mahmud Mansor, Tan Sri Muhammad Muhammad Taib, Datuk Seri Abu Hassan Omar, Awang Jabar, Malek Hanafiah, Datuk Suhaimi Abdul Rahim, Datuk Dr Mahadzir Mohamed Khir; (1)

Tan Sri Dr Hamid Pawanteh, Datuk Paduka Ibrahim Ali, Datuk Abu Zahar Isnin, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Ishak Ismail, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Datuk Mazlan Harun, Datuk Maznah Hamid, Rokiah Daud, Ustaz Fadhil Hanafi, Mokhtar Hashim, Tengku Azlan Sultan Abu Bakar.

-- BERNAMA

JS PR